

# Cabaran aspek pengajaran dan pembelajaran dalam melahirkan modal insan bersepadu

## MINDA PENDIDIK

Oleh PROF. MADYA DR.  
ABDUL SAID AMBOTANG

adalah sesuatu yang mustahil ekoran manfaatnya yang sangat besar dalam kehidupan manusia merentasi pelbagai aspek dan bidang kehidupan manusia. Bidang pendidikan umpamanya, sangat menerima banyak kebaikan hasil daripada ledakan sains dan teknologi maklumat sejagat ini lebih-lebih lagi dalam aspek pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Tugas guru juga semakin mudah, kerana bahan bantu mengajar daripada aplikasi komputer sangat membantu. Begitu juga murid, mereka bukan sahaja mendapat ilmu daripada guru, tetapi dalam masa yang sama maklumat sudah berada di hujung jari melalui aplikasi Internet. Terpulang kepada murid untuk memanfaatkan aplikasi teknologi ini secara wajar.

Namun, wujud juga kebimbangan sekiranya tidak ada pemantauan dalam menggunakan aplikasi teknologi maklumat. Ini kerana, banyak impak yang negatif berlaku kepada murid kerana penyalahgunaannya dalam kehidupan seharian. Lebih-lebih lagi dalam usaha untuk melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, rohani, intelek dan fizikal tidak seperti yang diharapkan.

Menyentuh aspek pengajaran dan pembelajaran, tentunya tidak dapat dinafikan kekuatan komputer dalam menyimpan dan mengingat sejumlah besar maklumat jika dibandingkan dengan manusia yang mudah lupa. Namun, mengandaikan minda manusia sebagai komputer menimbulkan banyak persoalan. Sebagai contoh, komputer mempunyai kuasa yang berbeza-beza. Adakah perbezaan ini pula dapat menjelaskan perbezaan dalam kalangan manusia? Umpamanya, sesetengah murid mudah jemu belajar dalam bilik darjah, sedangkan pelajar yang lain kuat berusaha. Sudah tentu bagi pelajar yang lemah akan diberi strategi berbeza daripada pelajar yang cerdas.

Implikasinya, guru dikehendaki menggunakan pelbagai strategi dalam menyelesaikan masalah pembelajaran muridnya. Kesannya, guru melahirkan pelajar mementingkan aspek

strategi lulus peperiksaan sahaja tanpa memahami bahan pembelajaran yang telah dipelajari. Ada pula yang mengatakan bahawa, kemahiran belajar yang dipelajari daripada guru menjadikan pelajar beranggapan pembelajaran hanyalah satu usaha mendapatkan dan meluahkan semula maklumat semata-mata.

Selain itu, sekiranya proses pengajaran dan pembelajaran bergantung sepenuhnya dengan aplikasi teknologi komputer, tentulah sebenarnya akan mendatangkan masalah yang barangkali hari ini tidak dapat melihat kesannya, namun selepas beberapa dekad barulah masyarakat akan merasai impaknya. Ini kerana, perlu diingatkan bahawa komputer tidak ada perasaan, sedangkan manusia mempunyai minat, keinginan, emosi dan lain-lain perasaan. Jelasnya, komputer tidak dapat menunjukkan sikap belas dan ehsan, prihatin dan memahami seperti yang dapat dilakukan oleh manusia. Ini bermakna, model pengajaran dan pembelajaran berdasarkan aplikasi komputer terutama dalam abad ke-21 ini masih perlu ditambah rencananya agar sesuai dengan keperluan manusia itu sendiri.

Selanjutnya, struktur pengetahuan dalam komputer amat padu dan rigid, sedangkan struktur kognitif dan pengetahuan manusia agak longgar dan fleksibel. Jika model komputer digunakan sepenuhnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran, manusia tidak dapat semahunya menyoal, mengusul, merumus dan sebagainya. Akhir sekali, pengguna perlu waspada bahawa komputer adalah sebuah mesin, satu entiti yang keras tanpa jiwa dan fikiran.

Persoalannya, bagaimana mungkin untuk memanusaiakan manusia jika manusia itu diibaratkan sebuah mesin? Tepuk dada, tanya minda dan hati bahawa pembinaan sahsiah yang mampan itu tentulah harus dipupuk berdasarkan kepada nilai-nilai murni dan pendidikan agama yang sempurna dan untuk mencapai hasrat ini tentulah bermula dari sekolah yang intinya adalah aspek

penyampaian dan pengajaran dan proses pembelajaran itu sendiri.

Sememangnya Falsafah Pendidikan Negara menggariskan dengan jelas matlamat pendidikan berhasrat melahirkan watak 'insan seimbang dan harmonis'. Pendidikan agama yang diajarkan kepada para murid sejak dari awal sistem pendidikan lagi mempunyai matlamat bagi melahirkan pelajar yang teguh akhlaknya dan dalam masa yang sama cemerlang ilmunya. Persoalannya dalam realiti pengajaran dan pembelajaran, setakat mana kesan pembangunan sahsiah berkait rapat dengan faktor falsafah dan didikan agama? Disini, guru amat berperanan untuk sentiasa mengaitkan pengajaran dan pembelajaran dengan nilai-nilai murni bagi mendidik jiwa dan rohani murid berteraskan prinsip-prinsip hidup yang baik dan membina ke arah yang positif.

Faktor falsafah memberi arah tuju terhadap matlamat pendidikan dan pendidikan agama adalah sebagai alat mengolah sahsiah dan personaliti supaya ilmu dan ketrampilan yang dipindahkan mampu membentuk watak yang teguh dan kukuh. Watak yang teguh dan kukuh adalah perlu bagi menghadapi pelbagai bentuk cabaran terutama di dunia yang semakin moden ini. Tanpa kekuatan ini ia akan terus meletakkan para pelajar terus berada dalam mediokriti dan akhirnya menjadi parasit kepada perubahan dan kemajuan. Maksudnya pelajar hanya menjadi pengikut semata-mata dalam arus kemajuan, tetapi tidak sebagai pembuat dasar seperti yang diinginkan.

Meskipun faktor Falsafah Pendidikan Negara dimetrikkan sebagai asas dalam Akta Pendidikan Negara 1996, kesan menyeluruh daripada pelaksanaannya belum dapat dilihat secara jelas terutamanya dalam pembentukan watak berasaskan 16 nilai-nilai murni yang telah dijadikan paksi merentasi kurikulum dan ko-kurikulum. Peruntukkan waktu belajar subjek Agama Islam yang agak wajar dan keperluan lulus

Fardhu Ain sebagai syarat lulus di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) masih belum mampu melahirkan peribadi teguh yang tahan mendepani karenah zaman moden ini. Faktor falsafah dalam setiap subjek yang diajar dan kurikulum yang disampaikan masih bersifat konsep dan tidak dapat dihayati dan difahami sepenuhnya.

Pendekatan 'down to earth' yang lebih realistik harus menumpu ke arah pendekatan yang lebih transformatif dan mampu membentuk sahsiah tinggi. Oleh itu fokus murid dalam bidang pengilmuan dan pendidikan tidak harus tertumpu kepada aspek-aspek teknologi yang sifatnya mekanistik semata-mata. Proses pengilmuan dan pendidikan seharusnya mengukuhkan murid dan generasi muda dengan asas-asas ilmu kemanusiaan dan agama supaya ada sentuhan keihlanan dan keinsanan dalam aplikasi teknologi. Asas ini amat penting dan fundamental dalam strategi membangun modal insan yang integratif.

Adakah perkara ini berlaku lantaran kelemahan dan metodologikal di peringkat proses pengajaran dan pembelajaran dalam menyampaikan maksud falsafah, nilai dan agama? Pendekatan yang bercorak konsep dan bukan pemahaman malah amat sedikit yang berbentuk model contoh yang mampu menjadi sumber ikutan dan teladan. Faktor falsafah tidak diterjemah dengan bijak dalam konteks sahsiah pendidik, kualiti kurikulum, buku teks dan kaedah pengajaran dan pembelajaran.

Faktor agama dan nilai lebih banyak diungkapkan secara terbatas dan kurang mampu membentuk sahsiah dan personaliti pelajar. Adakah isu ini harus disemak kembali dengan Kementerian Pendidikan menyusun semula kurikulum dan pendekatan Pendidikan Islam agar konteks membangun semula skema pendidikan ini berlaku di semua peringkat dengan mengambil kira aspek-aspek yang disebutkan di atas? Hal ini perlu diperhalusi agar kualiti pengajaran dan pembelajaran itu tidak hanya tercapai objektifnya

semasa dalam kelas sahaja, namun mampu membina sahsiah dan keperibadian unggul pelajar pada masa hadapan.

Sebagai contoh, dengan mengambil kira subjek Matematik umpamanya, seperti pengajaran dan pembelajaran konsep tambah dan tolak, nilai-nilai murni perlu sentiasa dipupuk seperti guru menerapkan nilai amanah dalam urusan jual beli, agar murid juga terdidik dan ini tentunya hasil yang diinginkan sepanjang hayat.

Secara kesimpulannya, sejarah membuktikan bahawa kejayaan sesebuah negara berkait rapat dengan kualiti pendidikan. Pada umumnya sistem pendidikan mendukung dua peranan utama iaitu sebagai jentera yang menyediakan pelajar menjadi tenaga kerja yang terlatih dalam pelbagai ilmu pengetahuan serta kemahiran untuk menggerak dan menyuburkan ekonomi negara. Dari sudut lain pula, pelajar setelah melalui sistem pendidikan di sekolah diharapkan menjadi insan yang berilmu dan seimbang dari segi pertumbuhan rohani, intelek, emosi dan jasmani. Pelaburan yang besar telah diberi kepada sektor pendidikan agar dapat menjadikan pelapis negara dalam bidang ini.

Tidak dinafikan industri teknologi maklumat pada masa kini digunakan secara global dan revolusi ini telah meresap ke semua sektor dalam kehidupan masyarakat. Dalam mengharungi cabaran ini serta mencapai matlamat Wawasan 2020, inisiatif untuk mengintegrasikan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran adalah tepat pada masanya. Membangunkan kekuatan akal tanpa kekentalan rohani akan mewujudkan ketidakseimbangan. Oleh itu, adalah penting untuk memperkasa ilmu untuk kesejahteraan dan keberkesanan sejagat yang tentunya bermula dari sekolah yang seharusnya dilakukan dalam konteks kefahaman yang bersepadu.

\* Penulis adalah Pensyarah Kanan di Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah